

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 1

BANDAR BRUNEI, RABU, 6 JANUARY, 1960 (7 Rejab, 1379)

PERCHUMA

TAHUN 1960 INI TAHUN PERCHUBAAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan tahun baharu baginda menelah tahun 1960 ini sa-bagai tahun perchubaaan bagi menjalankan perlembagaan untuk kemajuan negeri dan ra'ayat.

Baginda juga bertitah bahawa tahun yang baharu luput itu ia-lah tahun yang gemilang dan penoh dengan kejadian2 dan kejayaan2 yang akan termaktub dalam sejarah...

Uchapan baginda sa-penohnya berbunyi:

Oleh kerana kita mendekati Tahun Baharu maka sudah memang-lah kita mengingati balek tahun yang hampir luput. Sesiapa pun tidak akan menafikan kebenaran bahawa apa yang telah kita perbuat pada masa yang lampau akan menjadi tuladan apa yang kita perbuat pada masa akan datang dan ini ada-lah benar mengenai Negeri dan juga orang2.

Buat Negeri Brunei tahun 1959 ada-lah tahun yang sangat bersejarah ya'ni tahun kenang kenangan — tahun yang penoh dengan kejadian2 dan kejayaan2 yang akan termaktub dalam erti sejarah.

Pemashhoran Perlembagaan pada penghujung bulan September telah memberi Negeri ini taraf berkerajaan sendiri dan telah menjadikan persahabatan di-antara Negeri kita dengan Great Britain mengikut pendirian yang baharu dan berlainan.

Ini ada-lah satu daripada kejayaan yang amat gemilang sa-bagai mithal. Kita telah berjaya memasoki ka-dalam satu kuasa yang sangat2 kita hajati yang menjadi idaman sa-lama ini.

Oleh yang demikian ada-lah menjadi tanggung jawab atau kewajiban pada kita sakalian menguasai, menghias, berusaha, menyuburkan buat menjadikan kuasa tersebut itu sa-baik, sa-elok2, sa-subor2, dan sa-jerneh2-nya, muda-mudahan akan menjadi sa-buah bandar yang permai yang menarek hati dan di-gemari oleh siapa yang memandangnya.

Perlembagaan yang baharu ini atau, pendek kata, rangka Kerajaan yang baharu ini menunjokkan satu perubahan rukun yang mustahak dari chara kerajaan yang lama dan telah mengadakan kelengkapan dengan mana ra'ayat sendiri menerusi wakil2 mereka di-beberapa majlis me-

shuarat, boleh menyatakan buah2 fikiran mereka dan mengambil bahagian membentuk dasar2 dan ketetapan2 Kerajaan.

Tahun yang akan datang kita hadapi sa-benar-nya ia-lah tahun perchubaaan. Sa-telah kita mendapat perlembagaan yang baharu untuk memerintah Negeri ini, maka kita sekarang terpaksa memperhatikan supaya ia-nya berjalan dengan rapi bagi kemajuan Negeri dan kebajikan ra'ayat.

Pekerjaan ini ada-lah lebih susah daripada merangkakan Perlembagaan, tetapi saya berasa yakin sa-kira-nya di-beri pertunjuk, perasaan muhibbah dan ketetapan serta keberanian di-segala lapisan, maka Perlembagaan itu bukan sahaja akan memenuhi maksud-nya bahkan juga akan menjadi tapak bagi kejayaan

yang lebih besar di-masa hadapan.

Dalam lapangan ekonomi, sekarang masa-nya telah sampai manakala kita misti-lah berhati-hati dan merancang masa hadapan yang akan memberi kema'moran yang mudahan2 tidak akan putus kapada ra'ayat kita untuk turun menurun.

Dalam kemajuan2 perlembagaan dan ekonomi, kita misti menggunakan kebijaksanaan, dan sa-chara keadilan. Memang ada-lah senang mekekekkan chogan2 kita yang di-gemari dan membuat bermacham2 khotbah atau perjanjian tetapi dalam pertadbiran Kerajaan, kita misti-lah benar2 tegap dan melengkapi diri kita dengan ilmu pengetahuan.

Jangan-lah kita terkeliru oleh kerana kegembiraan, walau bagaimanapun bagus sa-kali pun tujuan itu.

Mari-lah kita halusi tiap2 satu masa'alah di-hadapan kita dengan teliti dan hendak-lah ukor langkah kita bagi menyempurnakan kehendak2 mengikut keadaan2 masa kita.

Semoga Allah Sub-ha-nahu Wata'ala menghurchurkan rahmat dan kema'moran kapada tuan2 bagi tahun yang akan datang.

Lebeh 50,000 mengunjongi Brunei dalam sa-tahun

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 50,757 orang termasuk 16,186 orang perempuan telah melawat ka-Brunei dalam tahun 1958, demikian di-nyatakan oleh Penyata Tahunan Negeri Brunei bagi tahun tersebut.

Dalam tahun itu juga sa-ramai 48,612 orang, antaranya 15,330 orang perempuan telah keluar dari Negeri Brunei.

Orang China yang datang ka-Negeri ini dalam tahun 1958 berjumlah 24,199 orang laki2 dan perempuan. Bilangan ini dituruti oleh Melayu sa-ramai 14,734 orang laki2 dan perempuan.

Bilangan orang2 asing yang di-daftarkan dalam negeri bagi tahun itu berjumlah 1,376.

Dalam tahun tersebut 1,130 orang asing laki2 dan perempuan telah meninggalkan Negeri Brunei.

M. B. bela perkhidmatan pegawai2 luar

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Jahfar meminta penduduk2 Negeri Brunei memberi keperchayaan kapada pegawai2 dari luar negeri untuk kecekapan perkhidmatan kerajaan.

Dalam satu ucapan tahun baharu Dato Paduka Haji Ibrahim berkata antara lain2 :

Dalam ucapan itu Dato Paduka Haji Ibrahim telah juga mengingatkan bahawa Negeri Brunei telah melalui kemunchak kemewahan-nya kerana hasil yang di-dapati dari minyak itu sa-makin lama sa-makin kurang.

"Sungguh pun ini bukan-lah satu perkara yang mesti di-bimbangkan tetapi ia-nya menunjokkan satu kehendak, kehendak yang mustahak untuk membuat ranchangan2 bagi perkembangan ekonomi yang akan menjamin kema'moran ra'ayat kita untuk turun temurun," kata beliau.

Dato Paduka Haji Ibrahim seterusnya mensifatkan tahun 1960 ini sa-bagai tahun yang penting bagi Negeri Brunei.

Beliau berkata: "Kita pada hari ini sa-bagai Ketua Pegawai Kerajaan Duli Yang Maha Mulia di-Negeri ini, saya suka memberi sa-patah kata mengenai satu perkara yang bersangkutan sangat dengan saya ia-itu Perkhidmatan Kerajaan — satu badan yang mengandongi orang laki2 dan perempuan yang menjalankan dasar2 Kerajaan dan yang membuat pekerjaan harian bagi Negeri ini.

Tuan2 sakalian akan bersetuju bahawa dengan tidak ada-nya satu perkhidmatan Kerajaan yang cekap maka akan timbul-lah kachau bilau dimana2 negeri pun.

Pada masa ini Perkhidmatan Kerajaan Brunei ada-lah kebanyakan dipenohi oleh orang2 luar negeri terutama dalam jawatan2 yang tinggi.

Tidak shak lagi bahawa di-masa hadapan kesuluruhan perkhidmatan itu akan di-penohi pula oleh orang2 tempatan dan sa-benar-nya ada-lah dasar Kerajaan untuk mengadakan latehan2 supaya membolehkan orang2 tempatan laki2 dan perempuan memenuhi jawatan2 yang mustahak itu.

Dari itu, sementara kita maseh berkehendakkan orang2 luar untuk menjalankan perkhidmatan Kerajaan kita misti-lah ki-

(Lihat muka 2)

Penuntut2 di - U. K. dirikan persatuan

UNTOK MERAPATKAN PERHUBONGAN DENGAN PENUNTUT2 LAIN NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah menubuhkan Persatuan Penuntut2 Brunei dalam satu mesyuarat yang di-langsungkan di-Woodchester Park dalam bulan November lepas.

Dalam sa-puchok surat kepada Pegawai Penerangan Negeri Brunei, setiausaha persatuan tersebut, Inche Jaya bin Abdul Latif berkata :

"Tujuan persatuan ini samata2 untok menjaga kebajikan penuntut2 Brunei di-United

Kingdom sa-lain dari merapatkan tali persahabatan antara ahli2 persatuan ini dengan ahli2 persatuan penuntut2 yang lain."

Penuntut2 Brunei yang berjumlah hampir 30 orang di-United Kingdom itu kebanyakan-nya belajar di-Woodchester Park.

Anggota jawatan kuasa persatuan itu ada-lah saperti berikut:

Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Umar, Yang di-Pertua; Naib Yang di-Pertua, Jusnani bin Lawie; Setiausaha, Jaya bin Abdul Latif; Penolong Setiausaha, Zakaria bin Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman; Bendahari, Md. Ali bin Md. Daud; Ahli2 jawatan kuasa, Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim, Md. Hassan bin Pehin Orang Kaya di-Gadong, Md. Kassim bin Md. Daud dan Sherlock Chin.



Penuntut2 Brunei di-United Kingdom bergambar ramai di-Woodchester Park School England sa-telah menubuhkan persatuan. Bergambar bersama mereka ia-lah pengetua Woodchester, Tuan Kelly dan isteri Tuan Kelly.

Barang2 perlu di-keluarkan dari tambatan kapal dengan segera

BANDAR BRUNEI.—Ketua Pejabat Marine, Brunei, Captain Muton ada-lah di-runsingkan oleh pedagang2 yang meninggalkan barang2 yang di-punggah dari kapal di-tambatan kapal.

Barang2 itu sa-patut-nya di-keluarkan dari kawasan itu sa-telah di-punggah.

Dalam satu siaran Captain Muton berkata:

Pejabat2 yang menerima barang2 dari kapal hendak-lah membuat persediaan mengambil barang2 dari kapal.

Tuan2 kapal dan wakil2 mereka ada-lah di-ingatkan supaya

jangan meninggalkan barang2 di-tambatan.

Barang2 itu hendak-lah di-keluarkan dari kawasan sa-telah di-punggah dari kapal.

Ikut jamin 6 bulan

BANDAR BRUNEI.—Sa-orang budak laki2 telah di-perentahkan oleh magistrate Brunei Pengiran Abdul Rahman supaya mengikat jamin sa-banyak \$100 sa-lama 6 bulan untok berkelakuan baik baharu2 ini.

Budak itu telah di-tuduh merosakkan barang2 dalam kereta2 yang di-tinggalkan di-Bandar Brunei pada suatu malam dalam bulan lepas.

Pengiran Abdul Rahman telah mensifatkan kesalahan itu sebagai satu kesalahan yang berat, tetapi budak itu mungkin telah di-pengarohi oleh budak2 jahat.

Yang demikian magistrate telah menjatuhkan hukuman yang ringan saperti tersebut di-atas.

Bapa budak itu telah sanggup mengikat jamin bagi pehak anaknya.

Tawaran biasiswa

BANDAR BRUNEI.—Enam orang penuntut2 Brunei mungkin mendapat biasiswa Kerajaan Singapura untok menjadi guru di-bawah ranchangan Colombo.

Tawaran itu telah di-sampaikan kepada pehak yang berkuasa di-sini.

Sa-lain dari Brunei Kerajaan Singapura telah juga menawarkan biasiswa itu kepada penuntut2 di-Borneo Utara dan Sarawak.



Sambutan yang di-mulakan pada 28 December telah di-tamatkan pada 31 December.

Acharya temasha itu mengandungi peraduan membaca sajak, lawak jenaka, tarian2 dan nyanyian, lakunan dan cerita pendek.

Satu acharya yang menarek perhatian ia-lah persembahan adat istiadat perkahwinan di-negeri ini.

Temasha itu telah di-langsungkan dengan satu majlis cheramah pada malam 31 December.

Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Umar, Setiausaha Kerajaan dan Kiai Haji Anwar Musaddad sa-orang pensharah ugama dari Indonesia telah mengambil bahagian dalam cheramah tersebut.

Gambar di-atas menunjukkan istiadat berambil2an yang diadakan sa-lepas malam bersanding yang telah di-sembahkan oleh Persatuan Guru2 Melayu Brunei pada masa menyambut ulang tahun ke-20 persatuan tersebut.

PENUNTUT YANG PERTAMA BALEK DENGAN KEJAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Inche Suni bin Idris penuntut Brunei yang pertama di-hantar ka-seberang laut telah balek ka-Brunei baharu2 ini sa-telah lulus dari maktab perguruan, Kirkby College di-England.

Beliau telah menuntut di-England sa-lama tiga tahun sa-tengah.

Inche Idris bin Hamzah, bapa Inche Suni ia-lah guru besar sekolah Melayu Lamunin.

Anak perempuan-nya, Zahara,

ia-lah gadis Brunei yang pertama di-hantar meninggikan pelajaran di-seberang laut. Puan Zahara masih berada di-United Kingdom.

Inche Suni sekarang berkhidmat di-Anthony Abell College, Seria.

KECHEKAPAN PERKHIDMATAN UNTUK KEMA'MORAN RA'AYAT DAN NEGARA

(Dari muka 1)

ta memberi kepercayaan yang perlu kepada mereka untok membolehkan mereka menjalankan pekerjaan mereka dengan tenang dan aman.

Memang benar bahawa kita anggap mereka sa-bagai orang2 gajian Kerajaan untok membuat sa-suatu pekerjaan yang tertentu tetapi sunggoh pun bagitu kita misti-lah pada sa-tiap ketika menunjukkan penghargaan kita terhadap pekerjaan yang di-selenggarakan oleh mereka tentang kesukaran2 dan masaalah2 yang dihadapi oleh mereka.

"Dari itu tahun 1960 ada-lah satu tahun yang penting bagi kita.

Kita terpaksa menentukan supaya Perlembagaan akan berjalan dengan baik bagi faedah ra'ayat. Kita telah mempunyai perlembagaan ini sa-lama tiga bulan dan saya yakin yang ia-nya akan berjalan dengan baik.

"Yang kedua, kita terpaksa menentukan bahawa perkhidmatan Kerajaan kita itu chekap dan baik, bekerja dalam keadaan muhibbah dan penoh dengan kepercayaan untok berkhidmat kerana ra'ayat.

"Yang ketiga, kita misai memikirkan dan meranchangkan supaya kema'moran ra'ayat dan negeri ini tidak akan terbangkalai."

3 PERKARA TERNYATA DALAM FIKIRAN AHLI2 TA' RASMI

DALAM persidangan belanjawan Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang lalu dua tuntutan ada-lah nyata terujud dalam fikiran ahli2 yang tidak rasmi dalam majlis itu.

Kapada sa-orang pemerhati pada hari pertama dalam persidangan yang berlangsung sa-lama dua hari itu, ahli2 yang tidak rasmi ada-lah sa-bulat suara mendesak Kerajaan supaya mengambil segala langkah untuk memenohi jawatan2 dalam perkhidmatan awam dengan pegawai2 tempatan.

Ahli2 rasmi itu sama-lah juga kuat-nya memberi amaran kapada Kerajaan supaya jangan mengambil pegawai2 sebarang laut yang tidak berkelayakan atau tidak sesuai memegang jawatan.

Berkenaan dengan perkara ini mereka itu menuntut bahawa hanya jawatan2 yang tidak boleh di-pegang dengan memuaskan oleh pegawai2 tempatan sahaja yang patut di-penohi oleh pegawai2 yang di-dambil dari sebarang laut.

PERKHIDMATAN AWAM

Satu tuntutan yang berkaitan dengan perkhidmatan awam juga telah di-kemukakan oleh ahli2 yang tidak rasmi. Mereka itu mendesak bahawa pertimbangan yang sama hendak-lah di-beri kapada pegawai2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama.

Kechaman2 yang di-arahkan kapada Kerajaan itu ada-lah jelas di-tujukan kapada pementahan yang lalu yang di-katakan memberi lebih keutamaan kapada pegawai2 British daripada pegawai2 tempatan dalam perkhidmatan awam.

Terhadap sa-kali antara ahli2 yang berasa bimbang terhadap kemungkinan dasar pementahan dahulu itu di-teruskan oleh Kerajaan ia-lah kumpulan guru2 Melayu yang berpengaruh dalam majlis. Merekaitu di-ke-tuai oleh Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib membidas Kerajaan.

MENEGOR KETUA

Inche Jamil telah menegor ketua pejabat-nya, Tuan James Pearce, apabila majlis itu membincangkan anggaran belanjawan bagi Pejabat Pelajaran.

Serangan itu bergantung pada chadangan hendak mengadakan 30 orang pegawai pelajaran untuk tiga buah sekolah Inggeris di-negeri ini.

Gelaran pegawai2 itu, kata Inche Jamil, ada-lah mengelirukan. Jawatan2 itu telah di-adakan sa-mata2, untuk di-penohi oleh pegawai2 kulit putih ujar Inche Jamil.

Inche Jamil berpendapat bahawa guru2 bangsa Asia yang mempunyai kelayakan yang sama dan pengalaman yang lebih baik hanya-lah di-panggil guru sahaja. Ada-lah lebih menasabah,

kata Inche Jamil lagi, bahawa gelaran jawatan itu di-tukar kapada "Guru2 Bahasa Inggeris."

Tuduhan2 bahawa pegawai2 kulit putih dalam pejabat pelajaran ada-lah golongan yang mendapat keutamaan sa-mestinya telah di-tangkis oleh Tuan Pearce.

"Menurut perlembagaan baharu, orang2 Europah tidak lagi mempunyai keistimewaan dalam negeri ini," kata Tuan Pearce.

Inche Jamil sa-terus-nya telah menyatakan kejadian2 memperbeza kan layanan antara guru2 bangsa Europah dengan guru2 Asian dalam pejabat pelajaran.

Guru2 bangsa Asian itu di-beri taraf yang rendah dan yang demikian mendapat gaji yang kurang daripada guru2 bangsa Europah sunggoh pun kelayakan dan pengalaman mereka ada-lah sama.

MEMPERBEZA2KAN

Dasar memperbeza2kan dalam pejabat pelajaran itu ada-lah di-katakan melarat bukan hanya mengenai taraf dan gaji antara guru2 bangsa Eropah dan bangsa Asian.

Sekolah2 Inggeris ada-lah lebih baik di-lengkapkan jika di-bandingkan dengan sekolah2 Melayu.

"Kita tidak payah meninjau lebih jauh dari membandingkan kelengkapan dan keadaan di-asrama2 sekolah2 Inggeris dan asrama2 sekolah2 Melayu" kata sa-oang ahli yang tidak rasmi juga.

Katil2 di-asrama2 sekolah2 Melayu ada-lah burok dan tidak baik perbuatan-nya. Kerusi meja-nya tidak-lah sa-bagitu baik jika di-bandingkan dengan kerusi meja di-asrama2 sekolah2 Inggeris.

Sunggoh pun demikian ahli2 yang tidak rasmi itu telah menyambut baik chadangan hendak menguntokkan sa-banyak \$6,611,200 kerana Pejabat Pelajaran bagi tahun 1960.

Jumlah ini ia-lah lebih kurang \$2 juta lebih dari peruntukan tahun 1959 dan di-anggap sa-bagai satu bukti Kerajaan hendak memperkembangkan dan meninggikan darjah pelajaran di-negeri ini.

HARAP LEBEH RAMAI

Dalam membelanjakan wang itu kelak guru2 itu telah mendesak supaya ikhtiar di-jalankan untuk mendapatkan hasil yang berfaedah dari wang yang bagitu banyak. Mereka itu berharap bahawa lebih ramai daripada 240 orang kanak2 akan dapat di-terima masuk ka-sekolah2 Inggeris dalam tahun ini.

Dalam rayuan supaya sa-habis2 sedikit bilangan pegawai2 sebarang laut di-dambil untuk memenohi jawatan2 yang mustahak, sa-orang ahli yang tidak rasmi telah menchadangkan tatkala perbincangan di-jalankan tentang peruntukan syarat untuk Askar Melayu Brunei yang di-ranchangkan itu, bahawa lebih

baik bakal pegawai2 askar itu di-hantar ka-maktab2 latihan tentera di-seberang laut untuk melateh anggota2 askar itu setelah mereka tamat dan kembali kelak.

Dengan chara ini, kata ahli itu, kerajaan tidak payah mengambil jurulathe2 askar dari Malaya atau dari pasokan2 tentera British untuk melateh anggota2 Askar Melayu Brunei.

Sa-balek-nya telah juga di-chadangkan, dan chadangan ini datang dari barisan rasmi, bahawa untuk menyemai kan semangat keperwiraan ka-dalam kalbu pemuda2 pasokan2 askar muda hendak-lah di-tubuhkan di-sekolah2 yang besar di-negeri ini.

BERCHORAK PELAMPAU

Tuntutan2 yang berchorak pelampau daripada ahli2 yang tidak rasmi itu nampak-nya telah di-sedangkan oleh shor2 daripada ahli2 yang tidak rasmi yang telah banyak pengalaman menjadi ahli2 meshuarat, ia-itu Inche Marsal bin Maun dan Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud.

Kedua orang ahli yang tidak rasmi itu di-sifatkan sa-bagai pelopor oleh guru2 Melayu dan ahli2 yang tidak rasmi dalam majlis.

Yang demikian ahli2 yang tidak rasmi itu telah berpuas hati dengan desakan Pengiran Ali bahawa pegawai2 sebarang laut walau apa-jua jawatan yang mereka pegang jangan-lah bertindak sa-bagai tuan tetapi hendaklah menunjak ajar pegawai2 tempatan di-bawah mereka supaya dapat kelak mereka itu memegang jawatan2 yang pada masa ini di-penohi oleh pegawai2 sebarang laut.

MENYAMBUT BAIK

"Kami menyambut baik kedatangan pegawai2 sebarang laut yang jujur menunjak ajar pegawai2 tempatan," kata Pengiran Ali.

Persidangan itu ia-lah kali pertama-nya di-adakan semenjak majlis itu di-tubuhkan dan mengadakan persidangan pembukaan-nya dalam bulan October lepas, dan telah di-buka oleh Duli Yang Maha Mulia dengan menyampaikan titah dari takhta.

Duli Yang Maha Mulia telah menyeru ahli2 majlis supaya berchermat dan berhati2 menjalankan perbincangan oleh sebab hasil minyak sa-makin lama sa-makin kurang.

Anggaran hasil bagi tahun 1960, kata baginda, ada-lah \$4 juta kurang dari hasil tahun 1959 oleh sebab hasil minyak telah kurang.

Anggaran belanjawan itu telah di-bentangkan oleh Peguam Ne- (Lihat muka 6)



Duli Yang Maha Mulia beruchap dari takhta dalam dewan Majlis Meshuarat Negeri Brunei tatkala membuka persidangan belanjawan majlis itu dalam bulan lepas.

Persidangan itu ia-lah kali pertama di-adakan sa-telah majlis itu di-tubuhkan dalam bulan October lepas berikutan dengan pemashhoran perlembagaan.

Di-hadapan baginda ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Jahfar yang telah mempergunakan meshuarat sa-bagai Speaker.

Bagi kali pertama-nya meshuarat telah di-jalankan dengan menggunakan chokmar. Chokmar yang di-perbuat daripada perak itu berharga \$12,000 dan telah di-siapkan oleh tukang2 perak Brunei dalam masa sa-bulan.

PERLEMBAGAAN NEGERI SA-PENOH-NYA

Sa-lain dari Majlis Meshuarat Kerajaan Perlembagaan itu mensharatkan penubuhan Majlis Meshuarat Negeri. Majlis ini mengadakan meshuarat-nya dari masa ka-masa kerana meluluskan belanjawan dan menegor perbuatan Kerajaan.

Perlembagaan itu sa-terus-nya berbunyi :

16. (1) Majlis Meshuarat Kerajaan tiada boleh di-panggil bermeshuarat kechuali dengan titah Sultan, atau kalau Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, dengan perintah Pemangku Raja laki2 yang kanan, atau jika Sultan tiada hadir dalam negeri dan tiada Pemangku Raja di-lantek, dengan perintah wazir yang kanan.

(2) Tiada apa2 pekerjaan pun boleh di-jalankan dalam meshuarat Majlis Meshuarat Kerajaan kalau ahli2 yang hadir (sa-lain daripada Sultan atau orang yang mengurus meshuarat itu) kurang daripada lima orang, dan Sultan atau lain2 ahli yang hadir tiada bersetuju apa2 pekerjaan di-jalankan oleh kerana tiada chukup ahli yang hadir.

(3) Majlis Meshuarat Kerajaan berkuasa juga bersidang dan menjalankan pekerjaan-nya sunggoh pun ada kekusongan yang tidak di-penuhi, termasuk kekusongan ketika majlis ini mula2 di-tubuhkan atau pun di-tuboh sa-mula dari satu masa ka-satu masa, dan segala meshuarat-nya ada lah sah meskipun ada orang yang tidak berhak mengambil bahagian dalam meshuarat-nya itu.

17. Jika Sultan tiada hadir, orang yang akan mengurus Majlis Meshuarat Kerajaan ia-lah seperti berikut :—

(a) Jika Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, Pemangku Raja laki2 yang kanan yang hadir;

(b) Jika tiada Jemaah Pemangku Raja di-lantek, ahli2 dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang telah di-lantek oleh Sultan menjadi pengerusi, atau kalau ahli itu tiada hadir, atau jika ahli yang sa-demikian tiada di-lantek, wazir yang kanan;

(c) Kalau tiada pengerusi seperti yang tersebut di-atas, ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang hadir, jawatan siapa ada lah terdahulu dalam susunan pegawai2 yang di-sebut dalam cheraian (1) bab 15.

18. (1) Ketika menjalankan kuasa dan menyempurnakan kewajipan-nya maka hendaklah Sultan, terta'alok kepada bab ini, berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan.

(2) Sultan tiada wajib berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan ketika menjalankan kuasa dan menyempurnakan kewajipan-nya (sama ada yang di-beri kapadanya atau di-kenakan ka-atas-nya oleh perlembagaan ini atau oleh sa-barang undang2 bertulis), jika undang2 yang memberi kuasa atau meletakkan kewajipan itu memberi kuasa kepada Sultan atau menghendaki-nya menjalankan kuasa itu atau menyempurnakan kewajipan itu sa-sudut berunding dengan penguasa sa-lain dari Majlis Meshuarat Kerajaan, atau pun tidak berkehendakkan baginda berunding dengan mana2 penguasa pun.

(3) Meski pun apa yang tersebut di-dalam cheraian (1), maka Sultan tiada di-kehendaki berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan :—

(a) Jika pada fikiran-nya faedah

negeri akan terganggu kalau dia berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan;

(b) Jika pekerja2 yang hendak di-putusan itu, pada fikiran-nya kurang sangat mustahak-nya dan tiada berkehendakkan nasihat ahli majlis itu;

(c) Jika perkara2 yang hendak di-putusan itu pada fikiran-nya mustahak di-segerakan dan tiada sempat baginda berunding dengan majlis :

Dengan syarat bahawa kalau Sultan berbuat seperti yang tersebut dalam fasal (c), hendaklah baginda dengan sa-berapa segra-nya memberi tahu kepada Majlis Meshuarat Kerajaan akan langkah2 yang telah di-ambil-nya, serta dengan sebab2-nya langkah itu di-ambil.

(4) Sultan dan Menteri Besar sahaja yang berkuasa membawa masa'alah kapada Majlis Meshuarat Kerajaan, tetapi jika Menteri Besar enggan membawa apa2 masa'alah kapada majlis itu sa-telah di-minta dengan surat oleh sa-orang ahli supaya di-bawa masa'alah itu kapada majlis itu, maka berkuasa ahli itu meminta supaya permintaan-nya yang bertulis itu di-masukkan ka-dalam butir2 meshuarat bersama dengan jawapan yang di-beri oleh Menteri Besar atas permintaan-nya itu.

19. (1) Sultan boleh mengambil keputusan yang berlawanan dengan nasihat kebanyakan ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan, jika pada fikiran baginda baik di-lakukan sa-demikian; Jika baginda berbuat sa-demikian hendaklah dia menyatakan dengan sa-penoh-nya sebab-nya ia berbuat sa-demikian untuk di-masukkan ka-dalam butir meshuarat.

(2) Jika Sultan bertindak bertentangan dengan nasihat Majlis Meshuarat Kerajaan, maka boleh sa-saorang ahli minta supaya ditulis di-dalam butir2 meshuarat itu nasihat2 atau fikiran2 yang telah di-beri-nya atas masa'alah itu serta dengan alasan2-nya.

20. (1) Butir2 keputusan meshuarat bagi Majlis Meshuarat Kerajaan hendaklah di-simpan.

(2) Sa-berapa segera yang dapat sa-lepas butir meshuarat bagi Majlis Meshuarat Kerajaan di-sahkan, maka hendaklah salinan yang penoh bagi-nya di-sembahkan oleh jurutulis majlis itu kapada Sultan.

21. Tiap2 ahli Majlis Meshuarat Kerajaan sa-lain dari Sultan, mesti-lah sa-belum memulakan kewajipan jawatan-nya, mengangkat sumpah atau membuat pengakuan sa-bagai yang tersebut dalam borang 111 dalam jadual dan menanda tangani-nya di-hadapan Sultan, atau di-hadapan sa-saorang yang di-benarkan oleh Sultan:

Tetapi jika sa-saorang yang dahulu menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan itu di-lantek samula menjadi ahli majlis itu dalam masa sa-bulan sa-lepas tamat lantek-nya yang dahulu itu, maka boleh dia memulakan kewajipan jawatan-nya dengan tidak mengangkat sumpah atau membuat pengakuan sa-mula.

22. Sultan hendaklah melantek sa-orang yang baik dan layak menjadi jurutulis Majlis Meshuarat Kerajaan dan sa-belum memulakan kewajipan jawatan-nya, hendaklah orang itu mengangkat sumpah atau membuat pengakuan sa-bagai yang tersebut dalam borang 11 dalam jadual dan me-

nanda tangani sumpah atau pengakuan itu di-hadapan Sultan atau ahli yang mengurus majlis itu.

BAHAGIAN VI MAJLIS MESHUARAT NEGERI

23. Hendaklah ada sa-buah Majlis Meshuarat Negeri yang di-tubuhkan menurut bahagian ini.

24. Majlis Meshuarat Negeri akan terta'alok kapada bab 27, mengandongi delapan orang ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio), enam orang ahli rasmi, enam belas orang ahli yang di-pilih dan tiga orang ahli yang di-lantek.

25. Ahli2 rasmi kerana jawatan bagi Majlis Meshuarat Negeri ia-lah wazir2, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Ugama dan pegawai yang di-tentukan oleh Sultan dengan pemashhoran dalam warta kerajaan.

26. Ahli2 rasmi bagi Majlis Meshuarat Negeri ia-lah orang yang memegang jawatan kerajaan dan hendaklah di-lantek sa-bagai ahli oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

27. (1) Ahli2 yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri hendaklah ahli2 Majlis Meshuarat Daerh yang boleh di-pilih sa-bagai ahli yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri menurut perlembagaan ini, dan terta'alok kapada cheraian (2), hendaklah mereka di-pilih menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri menurut undang2 bertulis berkenaan dengan pemilihan.

(2) Sa-belum tarikh yang ditetapkan oleh Sultan dengan pemashhoran dalam warta kerajaan sudah berjalan kuat kuasa baha (tidak lewat dari dua tahun sesudah berjalan kuat kerajaan (tidak lewat dari dua tahun sagan ini), ahli yang dipilih bagi Majlis Meshuarat Negeri bukanlah yang di-pilih sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh cheraian (1), melainkan mereka hendaklah di-lantek dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan:

Tetapi sa-belum ada undang2 kerajaan, maka boleh juga di-lantek oleh Sultan orang2 yang bukan anak Brunei yang di-tafsirkan mana-nya oleh cheraian (2) bab 29.

28. (1) Ahli2 yang di-lantek bagi Majlis Meshuarat Negeri ia-lah orang yang tidak memegang jawatan kerajaan, dan akan di-lantek oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

(2) Sa-kurang2-nya dua orang daripada ahli2 Meshuarat Negeri yang di-lantek hendaklah di-lantek untuk mewakili faedah2 yang mustahak yang pada fikiran Sultan tidak sa-chukup-nya diwakili oleh ahli2 yang di-pilih.

29. (1) Terta'alok kapada bab 27 dan 30, jika sa-saorang itu (sa-lain dari Pemangku Raja) anak Brunei dan telah berumur dua puluh satu tahun atau lebih, maka ia boleh menjadi ahli yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri dan sa-saorang yang sa-demikian itu atau sa-saorang ray'at British yang telah tinggal di-Brunei sa-lama dua tahun dari tempoh tiga tahun yang sabelum-nya, boleh di-lantek menjadi ahli yang rasmi atau ahli yang

di-lantek bagi Majlis Meshuarat itu.

(2) Bagi maksud bab ini "anak Brunei" bermaksud sa-orang yang biasa-nya di-terima sa-bagai ahli kaum jati dari puak2 Belait, Bisayah, Tutong, Dusun, Kedayan, Melayu dan Murut.

(a) Kalau dia orang Melayu, hendaklah ia beragama Islam dan menurut 'adat Melayu seperti yang di-jalankan dalam negeri;

(b) Baik dia orang Melayu atau lain hendaklah dia di-lahirkan dalam negeri atau pun hendaklah bapa-nya anak Brunei pada masa orang itu di-lahirkan.

(3) Bagi maksud bab ini :—

(a) Masa ketiadaan dalam negeri yang kurang dari enam bulan;

(b) Masa ketiadaan dalam negeri kerana meneruskan pelajaran;

(c) Masa ketiadaan dalam negeri kerana sebab2 kesihatan atau kerana lain2 sebab dan pada tempoh yang di-persetujui oleh undang2 bertulis, akan di-kiraikan sa-bagai masa tinggal dalam negeri.

30. (1) Tidak sa-saorang pun boleh di-lantek sa-bagai ahli rasmi atau ahli yang di-lantek bagi Majlis Meshuarat Negeri atau dipilih sa-bagai ahli yang di-pilih bagi majlis itu dan ahli2 yang telah di-lantek atau di-pilih tiada boleh menduduki kerusi-nya atau mengundi dalam majlis itu, jika:—

(a) Dia dengan perbuatan-nya sendiri telah mengaku ta'at setia kapada kuasa atau negeri yang diluar lingkungan Commonwealth sa-lain daripada Kerajaan Republic of Ireland;

(b) Dia telah di-istihar telah hilang akal-nya di-bawah mana2 undang2 yang berkuat kuasa dalam negeri;

(c) Dia telah di-hukum oleh mana2 mahkamah dalam negeri, atau dalam mana2 bahagian lingkungan Commonwealth atau dalam Negeri Republic of Ireland dengan hukum bunuh atau hukum penjara (baik apa pun sebutan-nya) yang tidak boleh di-gantikan dengan denda:

Tetapi fasal ini tidak mengenai sa-siapa :—

(i) Jika dia ada lagi masa membuat rayuan atau jika dia telah membuat rayuan, sa-hingga rayuan itu di-tolak atau berjaya tetapi mahkamah rayuan telah menjatuhkan hukum bunuh atau penjara (baik apa pun sebutan-nya);

(ii) Yang telah di-ampun dengan tiada bersyarat;

(iii) Jika tiga tahun atau telah lebih limpas dari semenjak tamat-nya hukuman penjara itu;

(iv) Jika Sultan telah memerintah orang itu tiada terta'alok kapada fasal ini sa-telah baginda menimbangkan dengan sa-penohnya;

(d) Dia belum bebas dari bengkrap sa-telah ia di-hukum atau di-istiharkan menjadi bengkrap di-bawah mana2 undang2 yang berkuat kuasa dalam negeri atau dalam mana2 bahagian dari lingkungan Commonwealth;

(e) Dia ahli atau berkongsi (partner) dalam suatu sharikat atau jika dia pengarah atau pengalola sa-buah company yang ada contract yang berharga lebih sa-ribu ringgit dengan kerajaan bagi atau kerana perkhidmatan awam, dan dia tidak memberi tahu kapada speaker akan keadaan contract tersebut dan faedah-nya di-dalam contract itu, atau faedah sharikat atau company itu didalam contract itu;

Dengan syarat sa-saorang itu tidak akan di-anggap dia ada contract dengan kerajaan bagi maksud2

(Lihat muka 5).

Kerumitan penganggoran timbul dari pelajaran

RAMAI PEMUDA PEMUDI LULUS DARJAH V DAN VI — PENYATA

BANDAR BRUNEI. — Penyata tahunan Negeri Brunei bagi tahun 1958 yang baharu sahaja di-siarkan itu dalam mengupas kemajuan yang di-chapai dalam tahun tersebut telah mencatatkan bahawa hasil yang di-dapati dalam tahun itu ada-lah kurang sa-banyak \$5,000,000 dari yang di-jangka.

Kekurangan hasil itu di-sebabkan oleh kekurangan pengeluaran minyak dan juga oleh kejatohan harga minyak. Kekurangan pengeluaran minyak itu akan berlaku dari tahun ka-tahun kechuali di-dapati telaga2 minyak baharu.

Sungguh pun hasil dari minyak akan bertambah kurang, tetapi kekurangan itu akan dapat di-bantu oleh hasil dari simpanan wang yang berlebehan.

Hasil dari wang simpanan itu akhir-nya akan chukup untuk membayar perbelanjaan tahunan Kerajaan.

Dalam tahun 1958, ranchangan kemajuan lima tahun telah di-tamatkan. Kebanyakan ranchangan2 itu telah di-tamatkan dengan jaya-nya sungguh pun ada sedikit2 yang tidak begitu berjaya.

Oleh sebab banyak lagi kemajuan2 yang hendak di-laksanakan Duli Yang Maha Mulia telah melantek satu jawatan kuasa untuk menimbangkan lain2 ranchangan bagi kemajuan dan kebajikan negeri.

Dalam tahun 1958 juga jalan raya antara Kuala Belait dengan Brunei telah di-buka.

Jalan itu telah merapatkan perhubungan antara penduduk2 di-kedua2 buah daerah itu tetapi sa-telah kerja itu siap, timbul-lah pula mas'alah membuang sa-bahagian besar dari pekerja2 Pejabat Kerja Raya.

Dasar Kerja memberi pelajaran kepada semua kanak2 pula telah menimbulkan kerumitan penganggoran. Ramai pemuda pemudi yang telah lulus darjah V dan VI telah datang ka-pejabat2 kerajaan kerana hendak mendapatkan pekerjaan.

Dalam tahun 1958 juga di-dapati bahawa penduduk2 negeri ini lebeh ramai dari yang di-jangka menghidap penyakit batok kering.

Hal ini telah di-dapati berikutan dengan penyiasatan atas kejadian batok kering di-negeri ini.

Uchapan Tuan

D. C. White

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Negeri Brunei, Tuan D.C. White, telah turut mengucapkan selamat tahun baharu kepada penduduk2 negeri ini.

Dalam ucapan-nya beliau mengesakan bahawa tahun 1960 ia-lah tahun yang sangat penting bagi penduduk2 Negeri Brunei.

Kelepasan am tahun 1960

BANDAR BRUNEI — Hari yang berikut telah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1960:

Hari Tahun Baharu, Sabtu, 2 January; Mi'raj, Ithnin, 25 January; Hari Raya China, Khamis, 28 January; Hari Raya Puasa, Ithnin dan Thalatha, 28 dan 29 March; Good Friday, Sabtu, 16 April; Hari Raya Haji, Sabtu dan Ithnin, 4 dan 6 June; Hari Kebebasan, Sabtu, 11 June.

Hari Peranakan Queen, Sabtu, 11 June; Awal Muharam, Ithnin 25 July; Mandi Safar, Rabu, 17 August; Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sabtu 24 September; Hari Perlembagaan, Khamis, 29 September Hari Christmas, Ithnin dan Thalatha, 26 dan 27 December.

Harga getah

HARGA getah dalam minggu lepas berakhir 5 January ada-lah di-taksirkan sa-banyak \$1.12 sa-paun.

Sharahan ugama daripada mahaguru dari Indonesia

BANDAR BRUNEI — Sarputan Badan Penerangan Islam negeri ini baharu2 ini, Kiai Haji Anwar Musaddad, telah berkunjung ka-Brunei sa-lama 10 hari atas jem-



Kiai Hj. Anwar Musaddad

BATU CHUKUP DI-BRUNEI UNTOK MEMBENA JALAN

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Penyiasat Isi Bumi Negeri Brunei berchadang hendak menterjemahkan ka-dalam bahasa Melayu penyata pejabat itu bagi pengetahuan am.

Pejabat itu telah di-tubuhkan dalam tahun 1957 kerana menjalankan penyiasatan atas kandungan bumi negeri ini untok membantu orang2 yang hendak mencari galian.

Semenjak itu keterangan2 yang di-keluarkan oleh pejabat tersebut telah banyak di-gunakan kerana ranchangan2 kemajuan negeri, kata Penyata Tahunan Negeri Brunei bagi tahun 1958 yang baharu di-siarkan itu.

Penyata itu menambah:

"Oleh sebab kemajuan negeri ini berkaitan dengan ranchangan kejuruteraan awam, pegawai2 pejabat itu telah menumpukan penyiasatan-nya untok mengetahui kedudukan batu di-negeri ini.

"Dalam menjalankan usaha ini batu sa-banyak 6,700,000 ela padu ada-lah di-ketahui terbenam dalam bumi antara Bandar Brunei dengan Bangar.

"Batu ini boleh di-gunakan untok membena jalan raya yang akan menghubungkan Bandar Brunei dengan Bangar."

Tetapi batu untok kegunaan di-bahagian barat negeri akan terus di-dapati dari Bukit Batu Kapor di-Batu Gading di Sarawak.

"Sa-takat ini belum ada lagi tanda2 yang menunjukkan bahawa batu ada terbenam di-barat Negeri Brunei," kata penyata tersebut.

SULTAN MENENTUKAN TEMPOH

(Dari muka 4)

fasal ini oleh sebab dia-nya memegang, akan memangku mana2 jawatan kerajaan;

(f) Dia tidak berhak menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dibawah sa-barang undang2 bertulis yang pada masa itu berjalan kuat kuasa-nya berhubung dengan kesalahan2 yang bersangkutan dengan pilihan2;

(j) Jika dia ahli yang di-pilih, maka tiada boleh dia menjadi ahli kalau dia tidak di-benarkan memasoki pilihan oleh sa-barang undang2 bertulis yang pada masa itu berjalan kuat kuasa-nya oleh sebab ia memegang atau memangku mana2 jawatan yang membuat dia bertanggung jawab atau berkait dengan pekerjaan mengurus atau menjalankan pilihan atau menyusun atau menyemak daftar pengundi.

(2) Supaya tiada waham, maka ada-lah di-ishtiharkan bahawa sa-saorang yang memegang jawatan kerajaan boleh juga memasoki pilihan kerana hendak menjadi ahli yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri.

31. (1) Tiap2 ahli rasmi dan ahli yang di-lantek bagi Majlis Meshuarat Negeri akan menduduki kerusi-nya dalam Majlis Meshuarat Negeri chuma sa-lama yang di-sukai oleh Sultan.

(2) Tiap2 ahli rasmi, yang di-pilih dan yang di-lantek akan terhenti daripada menjadi ahli apabila Majlis Meshuarat Negeri di-bubarkan atau terdahulu daripada itu jika kerusi-nya itu terkusong dibawah perlembagaan ini.

(3) Kerusi ahli yang rasmi, yang di-pilih atau yang di-lantek akan terkusong:—

(a) Jika dia di-lantek menjadi Pemangku Raja;

(b) Jika dia mohon berhenti daripada menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri dengan surat yang di-tanda tangani-nya dan di-alamatkan-nya kepada Jurutulis Majlis Meshuarat Negeri, dan jika dia ahli rasmi permohonan-nya minta berhenti itu telah di-persetujui oleh Sultan;

(c) Jika dia tidak hadir dalam dua meshuarat Majlis Meshuarat Negeri berturut2, dan sa-belum tamat salah satu meshuarat tersebut, dia tidak mendapat izin daripada speaker tidak hadir;

(d) Jika dia ahli rasmi dan telah berhenti memegang jawatan kerajaan;

(e) Jika dia ahli yang di-pilih dan telah berhenti menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah;

(f) Jika dia ahli yang di-lantek dan telah di-lantek menjawab tetap mana2 jawatan kerajaan;

(j) Jika timbul apa2 kejadian yang menyebabkan terbatal kelayakan-nya menurut bab 30.

(4) Jika ahli yang di-lantek telah di-lantek buat sementara memegang atau memangku jawatan kerajaan, maka dia tidak berhak lagi menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri sa-bagai ahli yang di-lantek sa-lagi dia memegang atau memangku jawatan itu.

(Bersambung)

IBU BAPA PERLU BERHUBONG RAPAT DENGAN GURU

BANDAR BRUNEI. — Pendidekan ada-lah satu soaf yang ta' habis2 di-persoalkan kerana sa-makin lama dunia bertambah kait dan hiruk pikuk, sa-makin pula orang menchari keamanan fikiran dan keamanan dunia.

Tetapi jika ibu2 mulai dari sekarang menjadi jurudidek yang bijaksana dalam rumah tangga, chita2 itu mungkin akan berhasil.

Asohan kapada kanak2 maseh di-abaikan oleh ibu2. Mereka itu belum lagi mengutamakan pendidekan yang memberi kebahagiaan kapada anak2 apabila mereka dewasa kelak.

Mereka itu bersedia menyerahkan anak2 ka-sekolah untuk mengetahui bagaimana hendak membacha dan menulis.

Ini ada-lah sa-bahagian dari

chara2 didekan yang sempurna. Yang mustahak sa-kali ia-lah asohan yang di-dapati oleh anak2 sa-masa di-rumah.

Oleh sebab itu ada-lah mustahak bagi yang di-dapati dari guru dan ibu bapa berhubung rapat supaya didekan antara dua pehak itu bersesuaian.

Banyak ibu2 dan bapa2 menganggap bahawa anak2 itu tidak

akan jadi jahat bila telah diserahkan ka-sekolah. Anggapan ini ada-lah salah sa-kali dan tergelincir dari apa yang di-harapkan.

Dalam usaha mendidek anak2, sa-lain dari mengajar, mahulah selalu waspada, agar apa yang di-harapkan itu mudah2an berjaya.

Sa-orang yang pandai mithalnya sa-orang ahli silat, biasa-nya tidak senang hati-nya melihat orang lain lebeh pandai daripadanya. Ini menimbulkan harapan moga2 anak-nya itu akan menjadi pandai.

Sa-balek-nya sa-orang yang tidak begitu baik nasib-nya sentiasa mengharapkan supaya anak-nya bernasib lebeh baik.

Chita2 ibu bapa itu akan berhasil sa-kira-nya mereka memikul tanggung jawab mendidek anak2 sa-lain dari didekan yang di-dapati daripada guru2 di-sekolah. (M. Samsinah)

"Budi bahasa yang baik itu tidak dapat di-lupakan"

BANDAR BRUNEI. — Sunggoh pun budi bahasa itu dua patah perkataan sahaja, tetapi hikmat-nya besar kerana budi dan bahasa yang baik itu-lah menjadi pedoman untuk kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat.

Budi yang baik itu tiada dapat di-lupakan, tetap jadi kenangan sa-lama2-nya, walau pun kita telah lenyap dari muka bumi ini saperti pantun :—

Pisang emas di-bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti,
Hutang emas boleh di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati.

Bukan-nya dengan wang ringgit atau harta benda sahaja yang kita boleh berbudi malahan kita boleh berbudi dengan tulang urat, fikiran atau nasihat atau apa jua yang terdaya oleh kita.

Tidak menjadi keberatan kira-nya kita berbudi sa-chara ikhlas itu. Tetapi jangan-lah kita berbudi pada bukan tempat-nya. Budi yang demikian itu tidak bermana ia-itu; saperti "Menchurahkan ayer di-daun keladi".

Bahasa itu ia-lah tutor kata yang kita gunakan hari2. Dengan perbahathan sa-saorang dapatlah kita ketahui keadaan-nya kerana "Bahasa menunjukkan bangsa."

Tiap2 kalimah yang hendak kita lafazkan hendak di-jaga supaya tidak menyinggong sa-siapa. Kadang2 kita tidak sedar yang perchakapan itu telah terlanjur dan tidak dapat di-tarek balek.

Walau pun sa-patah perkataan sahaja telah kita keluarkan, tetapi daripada sa-patah perkataan itu-lah yang boleh menerbitkan perse-lisihan yang tidak di-ingini sa-sama manusia di-zaman kemajuan ini.

Walaupun sa-saorang itu berpangkat tinggi, kaya dan berpakaian serba indah, tetapi kira-nya dia tidak mempunyai budi bahasa yang sempurna, tidak-lah bererti hidup-nya kerana :

"Emas intan pakaian badan,
Budi bahasa pakaian diri."—
(MALA MAS.)

PERKHEMAHAN PENGAKAP BRUNEI DI-JERUDONG

JERUDONG—Sa-ramai lebeh kurang 200 orang pengakap dari Daerah2 Belait, Seria dan Brunei telah mengadakan perkhemahan tahunan sa-lama 3 hari di-sini dalam bulan lepas.

Perkhemahan itu di-adakan mulai 18 December.

Sa-lama perkhemahan itu berjalan pengakap2 itu telah mengadakan camp fire. Camp fire itu telah di-saksikan oleh Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Negeri Brunei.

Sa-belum camp fire itu di-mulakan Tuan White telah beruchap pendek kapada pengakap2 itu.

Berbagai2 permainan telah juga di-adakn. Antara-nya ia-lah nyanyian dan lawak jenaka.

BERCHITA2 TINGGI LEBEH BAIK DARI ANGAN2

BANDAR BRUNEI. — Jarang sa-kali kita dapati orang yang tidak mempunyai chita2 dalam hidup-nya. Tiap2 manusia yang hidup mempunyai chita2 yang tersendiri.

Chita2 itu mungkin tidak terchapai jika ia-nya bukan2 rupa-nya.

Orang yang berchita2 hendak mendapati perkara2 yang berlebeh2an itu adalah termasuk dalam lengkongan orang2 yang berangan2 tinggi.

Sa-orang yang hendak menchapai kejayaan dalam hidup-nya hendak-lah melakukan sa-suatu itu dengan sederhana.

Dalam merenangi lautan chita2 kita hendak-lah mempunyai satu tujuan dan satu kemahuan serta yakin bahwa kita tidak akan gagal mengharongi-nya.

Lain pula hal-nya orang2 yang hanya suka berangan2 sahaja. Chita2 dan angan2 sangat jauh beza-nya. Chita2 mungkin dapat di-chapai tetapi angan2 itu tidak berkesudahan. (AAA)

JAMINAN MENTERI TENTANG DASAR

(Dari muka 3)

gara, Inche Ali bin Hassan, bagi pehak Pegawai Kewangan Negeri, Tuan M.D.B. Graham yang uzor di-rumah sakit.

Sa-bagai Peguam Agong, tugas Inche Ali ia-lah juga memandu majlis berkenan dengan tata tertib meshuarat.

Beliau telah meminta perhatian beberapa orang ahli kapada peratoran meshuarat kerana dalam keikhlasan mereka hendak mengingatkan kerajaan supaya memperbaiki lagi pertadbiran sa-tengah2-nya telah tersasul dalam perbincangan.

Meshuarat itu telah di-pengerusikan oleh Menteri Besar, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Jahfar, sa-bagai Speaker.

Tuan Speaker telah memberi jaminan beberapa kali dalam majlis bahawa dasarkerajaan ia-lah hendak memenohi jawatan2 yang mustahak dalam perkhidmatan awam dengan pegawai2 tempatan dengan sa-berapa chepat yang boleh.



Kiai Haji Anwar Musaddad sa-orang pensharah ugama dari Indonesia telah mengadakan sharahan2 di-seluruh Negeri Brunei. Sharahan beliau itu telah mendapat sambutan baik dari penduduk2 negri.

Gambar di-atas menunjukkan penduduk2 Daerah Tutong beramai2 keluar mendengar sharahan beliau sa-masa beliau mengadakan sharahan di-padang Bukit Bendira, Tutong.

Pergadohan berhentikan perlawanan

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan bola sepak antara pasukan Government Services dengan pasukan PWD Workshop Bandar Brunei telah di-langsungkan dengan tiada berkeputusan dalam minggu lepas.

Perlawanan itu di-adakan kerana kejohanan league bahagian kedua dan telah di-adakan di-padang besar di-sini.

Permainan telah di-berhentikan berikutan dengan satu pergadohan antara sa-orang pemain pasukan Government Services dengan sa-orang pemain pasukan Workshop.

Pengadil, Inche Ahmad bin Tahir telah memberhentikan permainan apabila Tahir Hussin, apit kanan pasukan Government Services bergaduh de-

ngan Abdullah Jaafar, apit kanan pasukan Workshop.

Lebih kurang 15 minit sa-telah perlawanan di-mulakan Tahir Hussin telah berjaya menjaringkan gol pertama bagi pasukan Government Services.

Gol itu telah di-balas oleh Sabtu Said kapitan Workshop dalam pertengahan akhir.

Permainan yang di-saksikan

oleh lebih kurang 2,000 orang peminat bola sepak itu ada-lah penoh dengan kekasaran dalam pertengahan akhir.

Perlawanan itu ia-lah kali kedua pasukan itu dalam league bahagian kedua tahun ini.

Dalam perlawanan pertama pasukan2 itu telah seri satu gol.

Kadazan kalah 7 kosong

SERIA — Pasukan Sekolah Pertukangan di-sini telah mengalahkan pasukan Kadazan 7 gol tidak berbalas dalam perlawanan kerana merebutkan piala Higgins baharu2 ini.

Pertandingan itu telah di-adilkan oleh Inspector Mustapha

PASOKAN PWD BELAIT TEGASKAN KEHANDALAN

KUALA BELAIT. — Pasukan bola sepak PWD Sports Club, Kuala Belait, telah terpaksa bermain bersungguh2 untuk mengalahkan pasukan PWD Bandar Brunei baharu2 ini.

Permainan itu di-adakan sa-chara persahabatan bagi menguji kehandalan pasukan Kuala Belait yang belum sa-kali pun kalah dalam perlawanan2 dalam musim ini.

Kehandalan pasukan Kuala Belait itu telah terbukti pada akhir permainan.

Pasukan itu telah mengalahkan pasukan Bandar Brunei 5 goal berbalas tiga.

Chara pasukan Kuala Belait itu bermain ada-lah lebih baik dari pasukan Bandar Brunei.

Dalam pertengahan akhir permainan2 Kuala Belait membawa bola lebih galak ka-kawasan Bandar Brunei.

Pelawat2 dari Jesselton balek berjaya

KUALA BELAIT. — Satu pasukan dari Jesselton Basketball Association telah melawat ka-Brunei untuk mengadakan beberapa perlawanan dalam minggu lepas.

Pasukan itu telah memenangi semua permainan kecuali satu di-sini apabila mereka itu di-kalahkan oleh pasukan Kuala Belait 63 mata berbalas 43.

Pasukan yang handal itu telah mengalahkan pasukan2 di-Bandar Brunei sa-belum datang ka-Kuala Belait dan Seria.

Di-Seria pasukan itu menang 57 mata berbalas 37 melawan pasukan chomporan Belait Seria.

PASOKAN BOLA SEPAK MELAYU MENANG KALI PERTAMA-NYA

KUALA BELAIT. — Pasukan bola sepak Malay Club telah mengalahkan pasukan Kadazan 4 gol berbalas 2 dalam perlawanan kerana merebutkan piala Higgins di-sini dalam minggu lepas.

Itu ia-lah kemenangan pertama yang di-dapati oleh club tersebut sa-telah dua kali seri.

Walau pun demikian pasukan Kadazan masih lagi tinggal dibawah sa-kali dalam senarai. Pasukan itu belum sa-kali pun mendapat kemenangan.

Antara perlawanan2 yang di-adakan dalam minggu lepas pasukan PWD Sports Club telah meneruskan kejayaan dalam perlawanan2 league dan piala Higgins dengan mengalahkan pasukan KBRC "B" 4 gol tidak berbalas.

Dalam satu perlawanan lain Dayak Club telah menewaskan pasukan Polis "B" 8 gol berbalas 2.

Tanda2 bersinar pada malam untuk keselamatan jalan

SERIA — Majlis Keselamatan Jalan Belait akan memberi dangan perchuma tanda2 yang boleh di-lihat pada malam hari pada basikal2 di-daerah ini kerana keselamatan.

Keputusan ini telah di-ambil dalam meshuarat yang di-adakan di-sini pada hujung bulan lepas.

Tanda2 yang boleh di-lihat pada malam hari ada-lah dikatakan telah di-gunakan dengan jaya-nya di-beberapa buah negeri di-Amerika Selatan.

Majlis itu telah juga mengambil keputusan hendak mengadakan kempen ka-atas kanak2 yang chuai menunggang basikal.

Satengah2-nya di-katakan membahayakan jiwa dan kenderaan.

Meshuarat yang di-adakan itu ia-lah juga untuk memilih anggota2 baharu yang terdiri dari:

Inche Alias bin Jupp, pengerusi, Tuan C.W. Hall, setiausaha, Tuan S.P. Gasper, penyimpan wang.

USUL MEMECHAT PEGAWAI BOLA SEPAK GAGAL DI-MESHUARAT

SERIA—Satu rayuan daripada Pengiran Puteh, kapitan pasukan bola sepak KBRC, Kuala Belait supaya setiausaha persatuan Brunei State Amateur Football Association meletakkan jawatannya telah di-tolak oleh persatuan itu.

Rayuan itu telah di-kemukakan dalam meshuarat luar biasa persatuan yang di-adakan di-sini dalam minggu lepas.

Pengiran Puteh menudoh setiausaha itu bersikap diktator.

Ini, kata-nva, telah menyebabkan perselisihan antara B.S.A.F.A. dengan persatuan Brunei Town Amateur Football Association.

Lori gelek ular sawa

KUALA BELAIT. — Sa-ekor ular sawa 14 kaki panjang telah di-gelek oleh sa-buah lori di-hadapan Istana Kota Manggalela dalam minggu lepas.

Ular yang kesakitan itu telah di-bunuh oleh Tuan Lutter dari pasukan Sarawak Field Force yang berkhemah dekat Istana tersebut.

Rayuan itu tidak mendapat sokongan ahli2 dalam meshuarat tersebut.

Meshuarat luar biasa telah di-adakan kerana membincangkan satu bantahan daripada Pengiran Puteh mengenai keputusan jawatan kuasa B.S.A.F.A. melarang KBRC menggunakan pemain2 dari Bandar Brunei bermain dalam pasukan itu.

Keputusan itu telah di-ambil berikutan dengan satu bantahan daripada pasukan Polis

Pasukan Polis menudoh bahawa KBRC telah menggunakan pemain2 dari luar daerah dalam perlawanan2 kerana merebutkan piala Higgins.



Perlawanan bola sepak antara SOAS College Bandar Brunei dengan Anthony Abell College, Seria, telah berlangsung dalam bulan lepas di-padang SOAS.

Pemain2 yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu berumur 15 tahun ka-bawah. Dalam perlawanan kerana merebutkan piala Cousens SOAS telah menang 3 berbalas 2.

Gambar di-atas menunjukkan ahli2 pasukan SOAS.

Ranchangan untuk kemajuan kampung2 Malaya

KUALA LUMPUR — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menitik beratkan atas perkara kemajuan daerah2 kampung dalam tahun 1960, demikian di-nyatakan oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman dalam satu ucapan radio kerana menyambut tahun baharu di-sini.

Beliau berkata, "Satu daripada tugas2 besar kerajaan ia-lah melaksanakan kemajuan besar bagi daerah2 kampung kerana kami sedar bahawa ra'ayat2 yang tinggal di-daerah2 kampung telah terbiar pada masa2 yang lampau.

"Hari ini, dengan kemajuan berjalan chepat di-kawasan2 bandar, kawasan2 kampung akan tertinggal jauh ka-belakang.

"Untuk mengelakkan kejadian ini, kerajaan berchadang hen-

dak menitik beratkan perkara kemajuan daerah2 kampung dan kita mesti-lah melaksanakan-nya dengan bersungguh2 dan yakin."

Tengku Abdul Rahman juga

pada masa ini mengkaji satu ranchangan yang akan membolehkan orang2 kampung yang miskin pergi ka-Mekah untuk menunaikan fardu haji dengan membeli stamp simpanan di-pejabat pos seperti budak2 sekolah.

Ranchangan yang telah dimajukan oleh Ungku Abdul Aziz, Pensharah Ekonomi di-University Malaya ini mengandongi syarat2 keselamatan.

Ungku Aziz mengeshorkan penubuhan Sharikat Pelayaran Haji Malaya.

Orang2 yang masuk Sharikat itu akan dapat pergi ka-Mekah dengan belanja \$1,500 dalam masa satu hingga 25 tahun ia-itu bersandarkan kepada simpanan wang tiap2 bulan di-antara \$1 dan \$10.

Dengan mendapat bayaran bonos sa-banyak 3 peratus, maka jumlah \$1,500 yang di-kehendaki itu boleh di-dapati dalam masa 13 tahun, sa-kira-nya menyimpan \$100 sa-tahun atau dalam masa 22 tahun jika \$4 sabulan di-simpan.

KEMALANGAN SHARIKAT UDARA: 1 TERBUNOH, 3 CHEDERA

JAKARTA.—Sa-buah kapalterbang penumpang jenis Dakota yang di-punyai oleh Sharikat Penerbangan Kerajaan Indonesia, Garuda Airways, telah jatuh terhempas sa-jurus sa-telah naik ka-udara di-Palembang, Selatan Sumatra, baharu2 ini.

Wakil2 akhbar di-Jakarta memberitakan bahawa pemandu kapalterbang itu telah mati terbunuh. Pemandu yang kedua, operator radio dan perempuan pelayan kapalterbang itu : telah chedera.

Semua 31 orang penumpang yang di-dalam kapalterbang itu tidak mendapat apa2 kemalangan.

President Sharikat Garuda itu, Tuan M. Sutoto, berkata bahawa satu dari enjin2 kapalterbang itu

telah mati dengan mengejut.

Kapalterbang itu telah terbang rendah di-sebabkan oleh chuecha yang tidak baik.

SERI PADUKA SEMBOH SA-MULA KEMBALI MEMEGANG JAWATAN

KUALA LUMPUR — Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu telah memegang sa-mula jawatan rasmi baginda pada 1 January sa-lepas gering beberapa lama,

Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang juga menjadi Sultan Selangor telah menyerahkan jawatan-nya sa-bagai pemangku Yang di-Pertuan Agong sa-lepas bertugas sa-lama tiga bulan sa-tengah.

Satu pemashhoran Diraja telah di-tanda tangani di-Istana Negara pada pagi 1 January apabila Seri Paduka Baginda mene-

rima kembali jawatan-nya.

Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah berangkat kembali ka-kepala negeri baginda, Klang, di-mana beras kuning telah ditaborkan ka-atas baginda dan permaisuri-nya di-waktu baginda berdua melangkah masuk ka-istana.

Ini ia-lah satu adat tanda menyambut kedatangan.

Indonesia tidak akan menggunakan kekerasan menuntut Irian Barat

MELBOURNE (Australia) — Perdana Menteri Australia, Tuan Robert Menzies telah menyatakan dalam satu siaran television kerana menyampaikan ucapan Hari Raya Krismas di-sini bahawa hasil yang mustahak yang terbit dari rundingan-nya baharu2 ini dengan Presiden Sukarno di-Indonesia ia-lah pengumuman presiden itu bahawa Indonesia tidak bermaksud hendak menggunakan kekerasan bagi melaksanakan tuntutan-nya ka-atas Irian Barat.

Kata-nya, "Ini akan menyenangkan jalan perundingan." Ra'ayat Indonesia perchaya kuat bahawa di-waktu Belanda menyerahkan tanah jajahan-nya itu kepada Indonesia, mereka menyerahkan Irian Barat sa-kali.

Tuan Menzies berkata bahawa ia dan Presiden Sukarno sedar

akan ada-nya fahaman2 yang kuat atas perkara ini.

Tuan Menzies berkata, "Australia tidak menuntut Irian Barat. Perubahan yang mustahak atas perkara ini ia-lah bagi pertama kali-nya Presiden Sukarno telah mengumumkan bahawa beliau tidak bermaksud untuk menggunakan kekerasan bagi melaksanakan tuntutan Indonesia ka-atas Irian Barat.

Perkara ini telah pernah dinyatakan oleh Menteri Luar Indonesia, Doktor Subandrio, tetapi saya fikir ini ada-lah kali yang pertama di-nyatakan oleh Ketua Negara yang mutlak bagi kerajaan Indonesia."

Tuan Menzies bertaka bahawa Presiden Sukarno harus akan melawat Indonesia dalam bulan October akan datang ini.

GERAKAN MENGESAN WANG PALSU

SINGAPURA — Polis Singapura telah melancarkan satu gerakan untuk mengesan puncha penerbitan wang kertas palsu \$1 yang sedang beredar di-sini. Mereka sudah pun menjalankan penyiasatan tentang wang kertas palsu \$50 yang telah di-jumpai terlebih dahulu.

Polis mengetahui wang kertas palsu \$1 itu apabila mereka menerima satu aduan daripada Sharikat Bas Traction Singapura bahawa beberapa wang kertas yang tersebut telah di-dapati di-antara wang kutipan mereka di-waktu hari raya Krismas.

Wang kertas itu telah diserahkan kepada Lembaga Surohanjaya Wang Malaya dan British Borneo.

Tuan G. Borgaars, Setiausaha Lembaga Surohanjaya Wang berkata: "Tiada sebab2 pun untuk berkeloh kesah atas perkara ini. Polis dan Lembaga sedang menjalankan penyiasatan."

PEMOTONG2 KEPALA BERLUAS DI-LUZON

MANILA — Mengikut sumber angkatan darat di-sini, bahawa polis tentera Philipina sedang menchari2 pemotong2 kepala dari puak Ilongot yang berleluasan melakukan pembunuhan untuk mendapatkan kepala 100 orang Kristian di-pergunongan Sierra-mandre, di-utara pulau Luzon.

Polis "ranger" ia-itu satu pasukan yang di-lateh khas untuk peperangan di-hutan2 rimba, sekarang mara di-hadapan pasukan2 tentera kerajaan untuk menewaskan pemotong2 kepala itu.

Mereka di-beritakan telah memotong kepala dua belas orang dalam masa dua bulan yang lepas kerana membela ketua mereka yang telah mati di-tangan sa-orang tentera polis pada bulan lalu.

Kebanyakan orang2 Ilongot ini baik dan telah berhenti dari kerja memotong kepala beberapa tahun dahulu.

Tetapi ada beberapa puak lagi yang maseh meneruskan pekerjaan ini.

Langkah untuk menyelesaikan pertikaian sempadan

NEW DELHI — Surat khabar India "Independent Times" yang di-terbitkan di-sini telah menyatakan dalam minggu lepas bahawa Perdana Menteri China, Tuan Chou En Lai telah menghantar sa-puchok surat lagi kepada Perdana Menteri India, Tuan Nehru berkenaan dengan perselisihan sempadan di-antara India dan China.

Berita itu menerangkan bahawa surat itu telah di-serahkan kapad Kuasa Usaha India di-Peking dan ada-lah di-jangka akan di-hantar dengan wireless ka-New Delhi dalam sa-hari dua yang akan datang ini.

Surat khabar itu manambahk-

kata, "Perutusan yang akhir ini adalah di-beritakan panjang sedikit dan di-perchayai mengandongi satu jawapan kapad surat Tuan Nehru yang bertarikh 26 September dan juga surat India yang bertarikh 4 November yang mengandongi keterangan2 sejarah atas sempadan India dan China."